

16/09/2000

Suqiu temui PM perjelas tuntutan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-persatuan Cina Malaysia (Suqiu) bertemu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, bagi menjelaskan beberapa perkara berhubung 17 tuntutan dibangkitkan kumpulan itu.

Pengerusi Suqiu, Quek Suan Hiang berkata, pertemuannya selama satu jam 15 minit itu adalah bagi mewakili suara hati masyarakat Cina.

"Kami menjelaskan kepada Dr Mahathir segala tuntutan itu tidak langsung bersifat ekstrim dan ganas. Ia tidak boleh disamakan gerakan komunis dan Al-Ma'unah," katanya pada sidang akhbar di Dewan Perhimpunan Cina Selangor, di sini, petang ini.

Quek mengetuai 20 anggota jawatankuasa Suqiu menemui Dr Mahathir di pejabat Perdana Menteri di Putra Jaya, pagi tadi.

Sementara itu, Quek yang juga wakil Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina berkata, kedua-dua pihak melihat pertemuan hari ini sebagai perkembangan positif yang berlangsung dalam "suasana ikhlas, terbuka dan ramah tamah."

"Datuk Seri Dr Mahathir sendiri meluahkan pandangannya sebagai pemimpin negara pelbagai kaum," katanya.

Quek yang enggan mengulas lanjut perbincangan dengan Perdana Menteri itu, berkata: "Suqiu menjelaskan beberapa perkara kepada Perdana Menteri, (dan) Dr Mahathir memberikan nasihat dalam ucapan yang panjang."

(END)